



Zon Pembangunan Ekonomi Selangor Maritime Gateway (ZPE SMG)

Pengenalan

Zon Pembangunan Ekonomi SMG (ZPE SMG) adalah sebahagian daripada inisiatif Selangor Maritime Gateway (SMG). Ia bakal menjadi koridor pelaburan pertama di Malaysia yang mengiktiraf sungai sebagai penjana ekonomi yang berpotensi.

ZPE SMG merupakan projek utama di bawah Rancangan Selangor Pertama (RS-1) 2021-2025 untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di Selangor dengan memanfaatkan laluan air ini yang juga lokasi dua pelabuhan utama – Westports dan Northport.

Zon baharu ini meliputi lebih 27,900 hektar tanah dari Mid Valley di Kuala Lumpur hingga ke muara sungai dan pulau-pulau berdekatan Pelabuhan Klang.



27,900 hektar

Jumlah Keluasan

Bermula dari Mid Valley di Kuala Lumpur sehingga ke muara sungai dan pulau-pulau berdekatan Pelabuhan Klang

Matlamat Strategik



Menangan lima cabaran utama yang dihadapi oleh Sungai Klang iaitu pencemaran sungai, potensi pembangunan tanah yang tidak diteroka, banjir, bekalan air ke lokasi strategik dan kesalinghubungan telekomunikasi



Meningkatkan usaha pemeliharaan alam sekitar



Penciptaan kehidupan yang lestari dan perumahan mampu milik untuk rakyat



Penciptaan peluang pekerjaan dan pendapatan baharu

Projek Berimpak Tinggi Di Bawah ZPE SMG

- 1) Pengurusan Air & Sungai Bersepadu (IWRM) dan Kehidupan Lestari oleh Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB)

Tumpuan kepada kerja-kerja segera untuk tebatan banjir yang akan merangkumi penyulingan Sungai Klang dengan pembinaan kemudahan simpanan luar sungai dan penyaluran air yang baharu; serta sistem penuaian air hujan dengan penambahan bekalan air untuk kegunaan komersil dan perindustrian.

- 2) Infrastruktur Pulau Indah oleh LLSB dan Central Spectrum

Penerokaan kemudahan dan infrastruktur yang berpotensi untuk mewujudkan hab pelaburan sedia ada masa hadapan di Pulau Indah, yang juga akan menyediakan banyak peluang pekerjaan untuk generasi akan datang selepas projek ini dilengkapkan.

- 3) Pembangunan semula Stadium Shah Alam oleh MBI

Stadium berusia 28 tahun tersebut akan diberi nafas baharu sebagai Stadium Pintar dengan kemudahan canggih terkini yang akan mengintegrasikan teknologi dengan pengurusan perniagaan sukan untuk mencipta pengalaman yang lebih menarik kepada semua pengunjung, tanpa mengira acara.

- 4) Sistem Amaran Awal yang Dipertingkatkan oleh LLSB dan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)

Satu aplikasi *super* untuk memberikan maklumat dan amaran segera serta mendapatkan maklumat terkini tentang kawasan banjir berisiko tinggi, tempat pemindahan dan maklumat untuk mendapatkan bantuan. Ia juga akan mengumpulkan data mengenai sumber yang boleh dikongsi dalam kalangan agensi negeri untuk memastikan pengurusan isu yang lebih baik seperti banjir.

- 5) Sambungan 5G oleh LLSB dan SMARTSEL

Pembinaan sekitar 150 tapak *Point-Of-Presence* (POP) di sepanjang ZPE SMG untuk mempersiapkan kawasan terlibat untuk liputan 5G dan menyediakan lingkungan ZPE SMG sebagai penyelesaian Revolusi Perindustrian 4.0.